

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR  
ATAS RANCANGAN KEMAJUAN LIMA TAHUN  
YANG KEDUA, KERAJAAN PERSEKUTUAN DI  
DEWAN RAKYAT PADA 7<sup>HB</sup> FEBRUARI, 1961

Tuan Yang Dipertua,

Saya dengan perasaan yang bangga dan dengan penuh kesyukuran membentangkan di hadapan Dewan ini Rancangan Kemajuan Lima tahun yang Kedua Kerajaan Persekutuan. Rancangan ini bertujuan hendak membesar dan meluaskan kemajuan ikhtisad di negeri ini, membaiki keadaan ikhtisad rakyat negeri ini, terutama sekali mereka-mereka yang duduk di luar bandar, supaya rakyat negeri ini, kita semua, dan keturunan kita dapat memperoleh taraf hidup yang lebih baik dan lebih bahagia daripada yang ada sekarang ini. Rancangan ini rancangan yang besar, yang akan memakan perbelanjaan sebanyak \$2,150 juta iaitu dua kali ganda banyaknya daripada peruntukan bagi Rancangan Lima Tahun yang Pertama, iaitu Rancangan Tahun 1956/60. Langkah yang diambil oleh Kerajaan ini adalah langkah yang berani dan tegas dan rancangan ini adalah merupakan satu cabaran dan dugaan besar kepada Kerajaan dan penduduk-penduduk negeri ini untuk melaksanakannya, akan tetapi Kerajaan yakin dan percaya, dengan jentera pentadbiran yang ada sekarang ini yang telah disusun dan diperbaiki dan dengan kerjasama yang akan diberi oleh penduduk-penduduk negeri ini, rancangan ini akan dapat dijayakan dengan sempurna dan memuaskan hati.

Oleh itu saya berseru kepada semua sekali Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan dan kepada semua pegawai-pegawai di peringkat Federal dan Negeri dan rakyat jelata seluruhnya supaya menjadikan pelaksanaan rancangan ini sebagai satu amanat yang penting sekali. Bagi menjayakan rancangan ini kita berkehendakkan tenaga yang penuh daripada semua pihak dan berkehendakkan juga kerjasama yang penuh daripada rakyat jelata seluruhnya. Kerajaan percaya tenaga-tenaga dan kerjasama yang dikehendaki itu akan ditunjukkan oleh semua pihak. Rancangan Kemajuan Luar Bandar akan menjadi bahagian

yang besar yang penting di dalam Rancangan Lima Tahun yang Kedua ini dan telahpun berjalan dengan giat. Masa merancang Rancangan Pembangunan Luar Bandar, pegawai-pegawai dan wakil-wakil rakyat di peringkat Negeri dan Jajahan telah memberi kerjasama yang penuh dan rancangan itu telah mendapat sokongan yang penuh daripada rakyat jelata sekalian. Ini adalah menunjukkan dengan terang dan nyata kerjasama dan sokongan yang akan diberi oleh rakyat kepada Rancangan Kemajuan Luar Bandar yang Kedua ini. Rancangan Kemajuan Kerajaan ini ialah rancangan kemajuan kebangsaan yang akan memberi faedah kepada semua penduduk-penduduk negeri ini dan patut sangatlah diberi sokongan oleh semua penduduk negeri dari semua bangsa. Oleh itu mustahaklah tiap-tiap orang, penduduk negeri ini yang taat setia dan kasih sayang akan negeri ini, walaupun daripada apa bangsa dan apa juga faham politiknya, memberi kerjasama yang penuh bagi menjayakan rancangan ini dengan sepenuhnya.

Dari tahun 1956 sampai tahun 1960 Kerajaan telah melaksanakan Rancangan Kemajuan Lima Tahun yang Pertama, dan dalam rancangan itu banyaklah kemajuan-kemajuan yang telah tercapai dalam berbagai-bagai lapangan dan yang mustahak sekali ialah dalam lapangan menanam getah semula bagi kebun-kebun besar dan bagi kebun-kebun kecil, pekerjaan ini telah berjalan dengan amat jayanya sehingga Persekutuan Tanah Melayu pada hari ini telah menjadi negeri yang paling terkemuka sekali di dalam hal mengeluarkan getah di dunia ini, dan negeri ini telah berjaya melawan merebaknya getah tiruan atau synthetic dalam pasaran dunia. Dan lagi kita juga merasa bangga di atas kejayaan yang tercapai dalam lapangan pembukaan tanah baharu. Sungguhpun banyak kesukaran-kesukaran yang terpaksa dihadapi, namun pihak F.L.D.A., dengan pertolongan dan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri telah berjaya mengadakan dua buah Rancangan Kemajuan Tanah. Lebih kurang 30,000 ekar telah dipungar dalam mana 15,000 ekar telah ditanam getah. Lebih kurang 3,500 kelamin telah ditempatkan di rancangan-rancangan itu. Berkenaan dengan pengangkutan, maka dalam Rancangan Lima Tahun yang Pertama, Kerajaan telah mengutamakan pekerjaan memperbaiki jalan-jalan yang sedia dan tidak banyak membuka jalan-jalan raya baharu, akan tetapi sungguhpun demikian jalan-jalan di seluruh Persekutuan telah bertambah panjangnya lebih kurang 10%. Berkenaan dengan talipon bilangan orang-orang yang mempunyai

talipon telah bertambah lebih kurang 30% dan talipon Exchange di daerah luar bandar telah bertambah lebih kurang 24%. Berkenaan dengan kuasa letrik kuasa-kuasa yang telah dikeluarkan oleh C.E.B. telah bertambah lebih kurang 27%, dan banyaknya orang yang mendapat faedah daripadanya telah bertambah lebih kurang 60%.

Dalam lapangan lain, terutama sekali dalam lapangan pelajaran, dalam masa lima tahun yang lalu Kerajaan telah berjaya mengadakan tempat untuk tiap-tiap seorang kanak-kanak yang berumur enam ke atas.

Tempat bagi latihan guru-guru dan juga tempat pelajaran teknik telah diluaskan, begitu juga pelajaran-pelajaran tinggi. Kemajuan dalam lapangan pelajaran dalam masa lima tahun yang lalu boleh dikatakan tidak ada tolok bandingnya di mana-mana negeri di dunia ini. Begitu juga di dalam lapangan kesihatan Kerajaan telah mulai membesar dan meluaskan perkhidmatan kesihatan di daerah luar bandar dan pada hari ini penduduk-penduduk luar bandar telah berjaya mendapat kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan yang lebih luas lagi. Di dalam lapangan pertanian, pengeluaran getah dan padi telah bertambah disebabkan oleh rancangan menanam semula getah dan juga disebabkan oleh rancangan-rancangan taliair dan juga rancangan-rancangan lain yang telah melipat-gandakan hasil pengeluaran padi. Sungguhpun dalam masa lima tahun itu kita terpaksa menghadapi keadaan darurat<sup>1</sup> dan banyak kakitangan serta tenaga Kerajaan terpaksa ditumpukan kepada soal-soal darurat, dan tambahan pula pada tahun 1958, negeri kita telah menghadapi kemerosotan ikhtisad dunia atau "world wide recession" namun demikian kita telah berjaya menjalankan rancangan-rancangan itu dan membelanjakan \$932 juta daripada anggaran sebanyak \$1,150 juta yang kita telah untukkan bagi rancangan itu. Ini menunjukkan satu kejayaan luar biasa kerana hanya lima belas peratus daripada peruntukan itu yang tiada dibelanjakan. Kalau kita pandang kepada kesukaran-kesukaran yang kita sebutkan tadi boleh dikatakan Rancangan Kemajuan Lima Tahun yang Pertama itu telah dilaksanakan dengan kejayaan yang besar.

---

<sup>1</sup> 1948-1960.

Perkara yang besar yang menyebabkan Kerajaan Persekutuan berjaya menjalankan rancangan-rancangan kemajuan ialah kekuatan kedudukan wang negeri ini dan juga kekuatan perkhidmatan negeri ini. Oleh sebab kekuatan ini kita telah berjaya menghadapi kesukaran-kesukaran ikhtisad dunia atau "world trade recession" dengan tidak payah mengadakan catuan bagi barang-barang masuk ataupun Exchange Control.

Sungguhpun banyak kejayaan-kejayaan yang telah dicapai dalam masa Rancangan Lima Tahun yang Pertama akan tetapi banyak lagi masalah-masalah yang kita mesti hadapi, dan kemajuan-kemajuan negeri ini terutama sekali di daerah luar bandar belumlah memuaskan hati kita. Oleh sebab itu Kerajaan berazam untuk mengatasi segala masalah-masalah ini di dalam Rancangan Kemajuan Lima Tahun Kedua. Yang terutama sekali Kerajaan berazam hendak menghapuskan kemiskinan, buta huruf, penyakit-penyakit dan sebagainya di kampung-kampung. Jikalau keadaan di kampung-kampung itu hendak diperbaiki dengan sempurnanya, kenalah kita lancarkan serangan secara besar-besaran dengan giatnya dan dengan penuh semangat. Kita perlu baiki keadaan ikhtisad di luar bandar supaya perbezaan-perbezaan ikhtisad di antara penduduk-penduduk luar bandar dengan penduduk di bandar itu dapat dikurangkan, dan hanyalah dengan jalan ini sahaja dapat penduduk-penduduk negeri ini hidup dengan aman, damai dan makmur. Juga memang mereka yang duduk di luar bandar itu sangat-sangat inginkan kemajuan, dan perubahan nasib serta taraf hidup mereka; oleh itu mustahaklah kita memuaskan hati dan keinginan mereka itu dengan seberapa daya upaya kita. Dengan tujuan-tujuan inilah Kerajaan telah menyediakan Rancangan Kemajuan Lima Tahun yang Kedua ini.

Tujuan-tujuan Rancangan ini ialah seperti berikut:

Pertama: memberi peluang dan pertolongan kepada penduduk-penduduk di luar bandar bagi membaiki ikhtisad dan masyarakat mereka. Kedua: menyediakan peluang-peluang kerja untuk buruh-buruh negeri ini, yang akan bertambah dalam masa lima tahun ini sebanyak lima belas peratus. Yang ketiga: hendak meluaskan lapangan ikhtisad negeri ini supaya tanaman-tanaman lain daripada getah dapat digalakkan; dan supaya dapat diadakan kilang-kilang perusahaan untuk menambahkan hasil negeri sambil memberi peluang bekerja kepada rakyat negeri. Yang keempat: sambil membaiki taraf

hidup rakyat dan memberi peluang kepada mereka itu memperbesar dan meluaskan mata pencarian, maka kemudahan dan peluang-peluang akan diadakan dalam lapangan pelajaran bagi kanak-kanak negeri ini yang sentiasa bertambah bilangannya; dan lagi hendak diadakan rumah-rumah murah bagi penduduk di bandar-bandar dan luar bandar dan seterusnya hendak mengadakan kemudahan-kemudahan yang difikirkan berpatutan bagi penduduk-penduduk negeri ini baik di luar dan di dalam bandar.

Bagi mencapai tujuan-tujuan yang saya sebutkan itu Kerajaan memikirkan iaitu kita akan kena berbelanja lebih kurang \$5,050 juta dalam lima tahun yang akan datang. Ini menunjukkan tambahan sebanyak 2/3 lebih daripada perbelanjaan yang dikeluarkan bagi Rancangan Lima Tahun yang Pertama. Daripada wang sebanyak ini, \$2,150 juta akan dibelanjakan daripada wang negeri dan \$2,100 juta iaitu wang yang akan dibelanjakan oleh orang-orang persendirian atau private enterprise daripada negeri ini dan juga daripada luar negeri. Dengan penyelarasan ini saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memandang bahawa wang yang akan dibelanjakan bagi Kerajaan dalam lima tahun ini iaitu dua kali ganda daripada wang perbelanjaan tahun 1956/1960 dan yang akan dibelanjakan oleh orang am lebih kurang dua puluh peratus lebih daripada masa menjalankan Rancangan Lima Tahun yang Pertama.

Dengan penyelarasan wang yang disebutkan itu kita akan dapat menambahkan bahagian wang perbelanjaan atau "total investment" di dalam keluaran hasil negara kita daripada 12% dalam tahun 1960 kepada 18% dalam tahun 1965. Keadaan ini adalah sama dengan keadaan-keadaan yang didapati dalam negeri-negeri yang telah lebih kemajuan ikhtisadnya. Jikalau rancangan kemajuan kita ini dapat dilaksanakan dengan sempurna—dan Kerajaan mempunyai keyakinan penuh perkara ini akan dapat dilakukan—maka kita akan dapat berjaya mengadakan peluang-peluang bekerja kepada 340,000 orang yang berkehendakkan perkerjaan, dan kita akan dapat menambah keluaran barang-barang dalam ikhtisad kita dan dapat menambah keluasan ikhtisad kita dengan lebih kurang 4% setahun. Ini bolehlah dibandingkan dengan tambahan isi negeri dengan 3.3% setahun akan tetapi kemajuan ikhtisad yang semacam ini hanyalah boleh dicapai jika harga getah yang tetap tidak kurang daripada harga

tetap tahun 1960. Akan tetapi inilah satu perkara yang payah hendak dianggap dengan betul-betul, dan menurut keadaan pasaran getah sekarang ini dan juga perkara-perkara lain; maka difikirkan tidaklah menasabah harga getah dalam lima tahun yang akan datang terus berada dalam peringkat yang didapati dalam tahun 1960. Oleh itu Kerajaan memikirkan lebih menasabahlah dalam rancangan ini dianggapkan harga getah itu lebih kurang lapan puluh sen sepaun hitung panjang hingga tahun 1965. Jikalau anggaran harga getah ini didapati benar dan tepat, maka keluaran hasil dan barang-barang dalam masa lima tahun yang akan datang ini akan bertambah dengan lebih kurang 14% dan jikalau harga getah berada seperti dalam tahun 1960 maka keluaran hasil akan bertambah dengan 22%. Perkara ini tidak boleh dikatakan mengurangkan ikhtisad negeri ini atau merendahkan taraf hidup rakyat negeri ini. Pada fikiran saya anggaran yang diperbuat oleh Kerajaan itu menasabah dengan sebab Kerajaan bercadang hendak mengeluarkan perbelanjaan untuk melaksanakan rancangan ini daripada wang-wang simpanan Negara dan juga daripada wang pinjaman dari luar yang ada sekarang ini dan dicadangkan juga hendak menambahkan lagi pinjaman ini. Berkenaan dengan cara-cara Kerajaan akan mengeluarkan wang kerana rancangan ini adalah diterangkan dengan jelasnya di dalam Kertas Mesyuarat ini dan saya fikir tidak payah saya lanjutkan perkara ini lagi. Saya harap rakan sejawat saya Yang Berhormat Menteri Kewangan sedia untuk memberi penerangan yang lanjut lagi jika dikehendaki.

Satu lagi perkara yang mustahak dalam Rancangan Kemajuan Lima Tahun yang Kedua ini ialah berkenaan dengan peruntukan wang bagi bahagian ikhtisad, bahagian kemajuan masyarakat dan juga bahagian-bahagian yang lain. Dalam hal ini hendaklah diingati dua perkara yang penting, dan dua perkara inilah yang mendorong keadaan bagi menentukan peruntukan wang dalam bahagian-bahagian yang tiga itu. Yang pertamanya mustahaklah kita memberi keutamaan tinggi kepada pekerjaan-pekerjaan atau rancangan-rancangan yang boleh menambahkan wang negeri, yang boleh menggalakkan keluaran-keluaran barang-barang lebih banyak dan yang boleh membesar dan meluaskan ikhtisad negeri ini. Jika dibuat begini maka barang-barang keluaran akan bertambah dalam masa lima tahun yang akan datang dan juga kemudian

daripada itu dan ini akan menambahkan pendapatan kebangsaan kita atau national income yang dengan itu menambahkan kemajuan ikhtisad negeri kita.

Sebaliknya pula sebagai satu Negara yang muda, yang baharu merdeka dan mencapai kemajuan, maka mustahaklah juga kita melaksanakan rancangan-rancangan untuk kemajuan masyarakat dan membaiki dan memajukan tubuh badan dan peribadi bangsa kita supaya menjadi satu bangsa yang berpelajaran dan sihat. Oleh itu dalam rancangan kemajuan yang besar seperti ini mustahaklah kita untukkan bahagian wang yang menasabah dan tepat di antara kemajuan ikhtisad dan kemajuan masyarakat. Kerajaan telah menimbangkan perkara ini dengan sehalus-halusnya dan saya syorkan kepada Dewan ini bahawa cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Kerajaan itu ialah yang sebaik-baiknya dan yang sebenar-benarnya menasabah, iaitu 71% diuntukkan kepada bahagian ikhtisad atau economic sector, 24.5% kepada bahagian masyarakat atau social sector dan 4.5% kepada bahagian Kerajaan atau Government sector.

Dengan mengutamakan kepada bahagian ikhtisad dapatlah kita menambahkan keluaran hasil dan dapat pula mengeluarkan pendapatan wang negeri bagi membayarkan perbelanjaan untuk perkhidmatan masyarakat seperti pelajaran, kesihatan dan sebagainya. Perkhidmatan-perkhidmatan masyarakat ini adalah mustahak, akan tetapi kita akan menghadapi kesukaran dan akan menempuh bahaya besar dalam kedudukan kewangan kita jikalau kita melebihkan kemajuan masyarakat di atas kemajuan ikhtisad. Oleh itu bagi beberapa tahun yang akan datang mustahaklah kita lebih mengutamakan peruntukan wang bagi kemajuan tanah dan rancangan-rancangan tanaman, sebagai menanam getah semula, mengadakan kuasa-kuasa perusahaan, perjalanan dan sebagainya. Tiap-tiap negeri yang baharu menuju kemajuan dan berkehendakkan kemajuan yang lebih lagi mustahaklah mengutamakan perkara-perkara yang tersebut. Peruntukan yang ditentukan dalam rancangan ini adalah menurut peruntukan yang diperbuat di antara bahagian ikhtisad dengan masyarakat dan lain-lainnya oleh Kerajaan-kerajaan Negeri-negeri yang sedang menjalankan kemajuan seperti India, Pakistan dan Ceylon. Negeri-negeri ini menguntukkan lebih kurang 70% dan 80% kepada bahagian ikhtisad dan 30% atau kurang kepada bahagian masyarakat.

Tuan Yang Dipertua,

Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat faham bahawa rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua ini ialah semata-mata rancangan sahaja, dan boleh disemak, dipinda dan diperbaiki dari satu masa ke satu masa. Dan lagi mustahak juga kita ingat bahawa rancangan ini hanya untuk masa lima tahun sahaja, dan ada banyak lagi rancangan-rancangan lima tahun pada masa yang akan datang. Barangkali setengah-setengah Ahli-ahli Yang Berhormat berkehendakkan rancangan-rancangan yang lebih besar dan lebih banyak daripada yang ada dalam Rancangan ini dan saya suka memberitahu Dewan ini bahawa cadangan-cadangan yang telah diterima dari Kementerian-kementerian, Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga badan-badan Kerajaan yang lain adalah berjumlah lebih daripada \$3,000, akan tetapi mustahak rancangan-rancangan itu disemak dengan halus dan hanya dimasukkan dalam rancangan ini yang difikirkan menasabah, yang boleh dijalankan menurut keadaan wang negeri ini.

Sungguhpun Kerajaan berazam hendak menjalankan kemajuan dan sedia hendak mengadakan rancangan-rancangan yang berani dan mempunyai cita-cita yang tinggi-tinggi tetapi dianggap mustahak Kerajaan mengadakan satu rancangan yang difikirkan boleh dilaksanakan dengan sempurna. Oleh itu mustahaklah kita menumpukan tenaga kita kepada rancangan-rancangan yang difikirkan menasabah, mustahak dan boleh dijayakan dalam masa lima tahun yang akan datang, jika keadaan kedudukan wang negeri kita ini berada seperti sekarang ini. Saya boleh memberi akuan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, jikalau pendapatan Kerajaan berkenaan dengan kedudukan wang negeri ini didapati terlampau sedikit, maka dengan mudahnya sahaja kita boleh membesar dan meluaskan rancangan-rancangan ini jika ada kakitangan, wang dan juga perkakas-perkakas yang boleh menjalankannya. Saya suka terangkan juga bahawa menyediakan rancangan-rancangan kemajuan ini adalah satu pekerjaan yang berterusan setiap masa dan rancangan yang ada di hadapan Dewan ini ialah sebagai satu rangka kemajuan, bukanlah satu asas yang tetap. Pekerjaan menyediakan rancangan-rancangan tidaklah terhenti dengan adanya rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua ini, akan tetapi mustahaklah kita setiap masa menyemak, memperhatikan akan perkara-perkara ini jika ada apa-apa juga kesulitan atau jika ada kekurangan wang atau pun kekurangan salah satu yang tidak kita sangka ini. Jadi oleh sebab itu asalkan kita

memberi keutamaan-keutamaan dalam rancangan ini dan juga tujuan-tujuan rancangan ini Kerajaan berharap rancangan ini boleh diubah daripada satu masa ke satu masa jika dikehendaki dan tiap-tiap tahun Kerajaan akan membentangkan di hadapan Dewan ini Perbelanjaan Kemajuan atau Development Estimates bagi persetujuan Dewan ini.

Tuan Yang Dipertua, setelah saya terangkan kepada Dewan ini tujuan rancangan ini dan juga cara-caranya rancangan ini telah disediakan, saya tidak hendak menerangkan dengan lanjut satu persatu rancangan-rancangan yang ada dalam Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua ini. Perkara-perkara itu adalah diterangkan dalam Bab ketiga dalam Kertas Mesyuarat ini dan rakan-rakan saya daripada pihak Kerajaan boleh memberi keterangan-keterangan dengan lanjut lagi berkenaan dengan peruntukan wang di Kementerian masing-masing jika dikehendaki. Dan lagi ada satu sahaja perkara yang saya sebutkan iaitu berkenaan dengan peruntukan wang bagi kemajuan masyarakat, pelajaran, ikhtisad dan juga perumahan. Perkara-perkara ini mustahak dikehendaki, akan tetapi perkara-perkara ini terpaksa diupayakan wangnya daripada hasil negeri. Sebab banyak daripada perkara-perkara ini berkehendakkan peruntukan wang daripada setahun ke setahun atau recurrent expenditure dan recurrent expenditure hendaklah dibayar daripada hasil negeri. Oleh itu dalam menentukan berapa banyaknya perkara-perkara yang kita boleh jalankan, hendaklah kita bergantung kepada dasar perbelanjaan tiap-tiap tahun dan tidak lebih daripada hasil negeri dan jikalau lebih maka kita akan mempunyai budget yang perbelanjaan ini lebih daripada peruntukan wang. Oleh itu melainkan jika dapat kita mengadakan wang dari hasil yang lebih lagi rancangan-rancangan Kemajuan masyarakat hendaklah ditetapkan seperti yang ada dalam rancangan ini pada tahun 1961 hingga 1965. Sungguhpun demikian Kerajaan telah bersetuju bahawa syor daripada Jawatankuasa menyemak semula dasar Pelajaran 1956 itu patutlah dijalankan dengan beransur-ansur, iaitu daripada tahun 1962 akan diadakan darjah-darjah lanjutan dua tahun lamanya bagi murid-murid yang telah lepas sekolah rendah yang tidak dapat masuk sekolah menengah. Ini adalah satu rancangan yang besar dan kejayaan yang besar. Apabila kita dapat wang yang lebih lagi dan pengalaman yang lebih lagi dalam menjalankan perkara-perkara ini haruslah kita boleh membesar dan meluaskan lagi rancangan ini. Begitu juga berkenaan dengan kedudukan

rancangan perubatan dan kesihatan. Rakan saya Menteri Kesihatan<sup>2</sup> suka berkehendakkan rancangan yang besar dan lebih luas lagi dalam masa lima tahun ke hadapan akan tetapi ia terpaksa menyemak rancangan-rancangannya supaya hanyalah rancangan-rancangan yang boleh dijalankan menurut kedudukan wang sahaja yang dimasukkan ke dalam Rancangan Kemajuan Lima Tahun itu. Dan begitu juga berkenaan dengan rancangan masyarakat yang lain.

Tuan Yang Dipertua, wang yang diuntukkan bagi perbelanjaan dalam Rancangan Lima Tahun Kedua ini lebih banyak lagi daripada wang yang diuntukkan dalam Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Pertama. Barangkali ada juga orang-orang berpendapat bahawa rancangan-rancangan ini barangkali tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Saya suka menegaskan kepada Dewan ini bahawa Rancangan-rancangan ini boleh dan dapat dijalankan akan tetapi berkehendakkan tenaga dan pengorbanan dan perkhidmatan penuh daripada pegawai-pegawai Kerajaan dan juga daripada rakyat jelata seluruhnya.

Di dalam bahagian pertama kertas Mesyuarat ini Kerajaan telah terangkan kemajuan-kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai dalam beberapa lapangan pada masa lima tahun itu. Kejayaan-kejayaan itu dalam setengah-setengah perkara boleh dikatakan tidak ada tolok bandingnya bagi sebuah negeri yang kecil seperti Persekutuan Tanah Melayu dalam masa negeri itu bertukar daripada negeri yang dijajah kepada negeri yang merdeka. Sungguhpun kejayaan kita pada masa yang telah lepas banyak, akan tetapi mustahaklah kita membuat kemajuan-kemajuan yang lebih lagi. Bilangan isi negeri ini bertambah banyaknya daripada setahun kepada setahun, iaitu mustahaklah kita besar dan luaskan ikhtisad kita supaya dapat kita memberi pekerjaan yang sempurna kepada anak negeri kita. Dan lagi, yang mustahak sekali, hendaklah kita bersungguh-sungguh menghapuskan kemiskinan, buta huruf dan segala kemunduran dan kesulitan yang didapati di kampung-kampung dan di kawasan-kawasan luar bandar. Inilah masalah yang kita mesti atasi dengan keazaman yang penuh. Dan lagi rakyat Negeri ini, terutama sekali penduduk luar bandar berkehendakkan kemajuan, berkehendakkan taraf hidup yang lebih tinggi dan lebih sempurna. Maka menjadi kewajipan bagi kita

---

<sup>2</sup> Y.B. Dato' Ong Yoke Lin.

bagi menjalankan kehendak mereka itu dan mustahaklah perbezaan kedudukan ikhtisad di antara bandar dan luar bandar itu diperbaiki jika negeri ini hendak maju ke hadapan dengan aman, sempurna dan makmur. Inilah dia dugaan-dugaan yang besar yang ada di hadapan kita. Pihak Kerajaan sedia menghadapi dugaan ini dengan keazaman yang penuh. Oleh itu saya berseru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada rakyat negeri seluruhnya supaya memberi sokongan dan kerjasama yang penuh kepada Kerajaan bagi melaksanakan rancangan ini. Rakan-rakan saya Menteri-menteri sekalian, adalah berazam hendak melaksanakan rancangan ini dengan sepenuh-penuhnya dan begitu juga halnya dengan pegawai-pegawai Kerajaan, Ketua-ketua Pejabat Federal dan juga pegawai-pegawai Kerajaan di peringkat Negeri telah menunjukkan keazaman mereka. Tidak dapat tidak ada beberapa masalah-masalah seperti kekurangan kakitangan teknikal dan kekurangan-kekurangan jentera-jentera. Akan tetapi saya telah dinasihatkan bahawa kakitangan pejabat-pejabat teknikal yang akan bertanggungjawab menjalankan rancangan kemajuan ini adalah difikirkan mencukupi pada masa yang dapat dijangka. Dan lagi jikalau bagi menambah kekuatan ini pejabat didapati tidak mencukupi, Kerajaan bercadang hendak menggunakan lebih banyak lagi consulting engineers dari dalam atau luar negeri kerana membuat plan-plan yang besar yang berkehendakkan kepandaian yang istimewa atau specialised. Dan lagi Kerajaan bercadang hendak menimbangkan pertolongan kepada contractor-contractor bagi meluaskan kuasa kerjanya dengan perkakas dan jentera-jentera supaya dapat mereka itu menjalankan pekerjaan dengan lebih banyak dan luas lagi.

Satu daripada perkara yang mustahak bagi melaksanakan rancangan-rancangan ini dengan licin dan sempurna, ialah kerjasama di antara Pejabat-pejabat Kerajaan dan Pejabat-pejabat badan-badan Kerajaan daripada semua peringkat. Di atas hal ini saya sangat sukacita memberitahu Dewan ini dengan perasaan bangga bahawa semenjak ditubuhkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, maka Kementerian ini telah berjaya menyediakan tenaga-tenaga Kerajaan baik dari peringkat Federal dan juga Jajahan dan di dalam hal menyediakan dan juga menjalankan rancangan-rancangan Pembangunan Luar Bandar.

Rancangan-rancangan Pembangunan Luar Bandar adalah lebih daripada separuh dalam rancangan-rancangan Pembangunan Lima Tahun Yang Kedua ini. Saya suka memberi akuan kepada Dewan

ini bahawa rakan-rakan saya Menteri-menteri akan bekerja dengan bersungguh-sungguh menguatkan lagi kerjasama di antara Pejabat-pejabat Kerajaan bagi menjalankan rancangan kemajuan ini dan wang-wang yang dibelanjakan itu akan dibelanja dengan teratur dan dengan bijaksana. Langkah yang berpatutan akan diambil bagi menyediakan jentera pentadbiran supaya dapat bekerja dengan kuatnya bagi melaksanakan rancangan-rancangan ini. Pejabat Economic Secretariat akan diperkuat dan dicadangkan hendak diadakan satu Economic Planning Unit yang akan bertanggungjawab mengatur dan menyemak rancangan-rancangan Kemajuan Kebangsaan kita dari satu masa ke satu masa, dan juga menyemak akan hasil-hasil kemajuan yang didapati daripada kejayaan rancangan-rancangan itu. Dicapadangkan juga diadakan satu pasukan daripada pegawai-pegawai kanan yang bertanggungjawab di atas hal kemajuan ini bagi memperhatikan kemajuan rancangan-rancangan ini dan memperhatikan juga akan apa-apa kesukaran dan kesusahan yang didapati bagi melaksanakan tujuan-tujuan dalam rancangan kemajuan ini. Dicapadangkan juga akan diadakan suatu bilik gerakan kemajuan atau "Development Operations Room", di dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan di dalam bilik itu akan dicatatit berhari-hari kemajuan-kemajuan yang dapat dicapai dalam semua sekali rancangan-rancangan itu dan mempersatukan rancangan-rancangan kemajuan. Dengan adanya bilik gerakan ini dapatlah Kerajaan menjaga dan merasa nadi kemajuan di satu-satu tempat di Tanah Melayu ini dan dengan itu dapat mengetahui dengan sepintas lalu adakah kemajuan yang didapati itu memuaskan hati.

Tuan Yang Dipertua, cara melaksanakan Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua ini ialah Kerajaan, iaitu Menteri-menteri akan membentangkan di Dewan ini dari semasa ke semasa rancangan-rancangan yang hendak dijalankan bagi persetujuan Dewan ini. Rancangan-rancangan ini akan disediakan menurut dasar yang tertentu dalam Bab ke 3 dan ke 4 Kertas Majlis ini dan akan dibentangkan di Dewan ini sebagai belanjawan kemajuan daripada setahun ke setahun. Maka terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memuaskan mereka itu samada rancangan-rancangan yang dikemukakan itu menasabah dan berpatutan dan bersesuaian dengan tujuan-tujuan dan rancangan-rancangan yang ditentukan dalam Rancangan Kemajuan Lima Tahun itu. Oleh itu bagi kali ini hanyalah dikehendaki Dewan ini mempersetujui tujuan-tujuan keutamaan atau priorities dan

juga rancangan-rancangan yang dicadangkan dalam kertas Mesyuarat ini. Dewan ini tidak dikehendaki mempersetujui peruntukan perbelanjaan bagi tiap-tiap satu rancangan itu. Perkara ini akan dibentangkan di majlis ini dari semasa ke semasa.

Tuan Yang Dipertua, sebelum saya tamatkan ucapan saya, saya suka mengambil peluang ini bagi pihak Kerajaan dan penduduk-penduduk Persekutuan, mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada negeri-negeri yang bersahabat dengan kita seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Canada, Australia, New Zealand dan beberapa negeri-negeri lagi. Serta terima kasih juga diucapkan kepada Badan-badan Bangsa-bangsa Bersatu dan pertubuhan-pertubuhan di bawahnya kerana pertolongan yang telah diberi baik di lapangan teknikal dan juga pertolongan wang yang menjalankan rancangan kemajuan di negeri ini pada masa yang telah lalu. Saya harap dan percaya pada masa yang akan datang kita akan terus menerima bantuan dengan murah hati itu. Pada pihak kita juga, kita akan memberi pertolongan kepada negeri-negeri yang lain dengan apa cara yang kita boleh buat melalui badan-badan Bangsa-bangsa Bersatu dan Colombo Plan dan badan-badan International yang lain.

Tuan Yang Dipertua, seperti telah saya sebutkan Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua ini ialah satu rancangan yang tinggi mutlamatnya dan satu rancangan yang berani, akan tetapi rancangan ini rancangan mustahak dan yang boleh dan patut dijalankan kerana kemajuan ikhtisad negeri kita ini. Dengan apa cara pun mustahaklah kita jayakan rancangan ini, jikalau kita hendak mengadakan batu asas yang tetap dan teguh bagi penduduk-penduduk negeri ini terutama sekali supaya penduduk-penduduk luar bandar mempunyai taraf hidup yang tinggi dan lebih sempurna. Inilah cita-cita dan keazaman kita. Akan tetapi bagi melaksanakan cita-cita dan keazaman ini kita mustahak berkorban. Tidak ada jalan lain bagi kita untuk mempunyai satu Negara yang aman dan makmur dan mempunyai ikhtisad yang tegap, melainkan hendaklah kita bekerja dengan kuat, bekerja dengan sebenar kuat. Tiap-tiap orang di negeri ini harus berkorban dan bertenaga dengan seberapa daya upaya; dan lagi mustahak juga kita berjimat-cermat dan mengurangkan perbelanjaan yang membazir. Inilah dianya harga yang kita mesti bayar kerana kemajuan dan keamanan bangsa dan negara. Inilah dugaan bagi kita dalam lapangan kemajuan, akan tetapi jikalau kita berjaya menghadapi

dugaan ini dan melaksanakan rancangan kemajuan ini dengan memberi puas hati kepada rakyat negeri ini seluruhnya, tidak dapat tiada anak-cucu kita dan keturunan-keturunan kita akan berkata bahawa kita, yang bertanggungjawab pada ketika ini, adalah menggunakan usaha dan tenaga kita dengan sepenuhnya bagi memberi taraf hidup dan tempat kediaman yang sempurna kepada mereka pada masa yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, saya dengan sukacita mencadang.